Utusan Borneo: 30 Oktober 2026

Penghantar makanan ragut beg sandang wanita dihukum penjara tujuh tahun, satu sebatan

KUCHING: Mahkamah Sesyen semalam menjatuhkan hukuman penjara tujuh tahun dan satu sebatan terhadap seorang penghantar makanan yang meragut beg sandang seorang wanita di Lorong Demak Bayu di sini, sebelum melarikan diri menggunakan motosikal.

Mohammad Shafiq Azwan Razaman, 31, membuat pengakuan itu sebaik dituduh mengikut Seksyen 392 Kanun Keseksaan, yang membawa hukuman penjara sehingga 14 tahun dan boleh didenda atau disebat, jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, Mohammad Shafiq didakwa melakukan rompakan terhadap wanita berusia 43 tahun dalam satu kejadian pada 21 Oktober 2026, sekitar jam 2 petang di Lorong Demak Bayu, di kawasan Demak di sini.

Fakta kes mendedahkan mangsa sedang berjalan kaki bersama ibunya di Lorong Demak Bayu sebelum seorang lelaki tidak dikenali yang menunggang motosikal tiba-tiba meragut beg tangan dari lengan ibu mangsa.

Semasa kejadian, berlaku pergelutan sehingga ibu mangsa terjatuh, lalu mengalami kecederaan ringan dan luka pada tangan kanannya.

Lelaki itu kemudian meragut beg mangsa sebelum melarikan diri dengan motosikal.

Antara barangan milik mangsa yang dilarikan adalah wang tunai RM180, dua telefon pintar mewah serta beberapa dokumen dan barangan peribadi termasuk kad pengenalan, lesen memandu, kad ATM dan kad tambah nilai, dengan mangsa mengalami kerugian sekitar RM3,000.



TERIMA HUKUMAN: Tertuduh (tiga kiri) diiringi keluar dari kamar Mahkamah Sesyen Kuching, semalam selepas dijatuhkan hukuman. Turut kelihatan, Muhammad Amirul (kiri).

Laporan polis dibuat dan hasil siasatan membawa kepada penangkapan Mohammad Shafiq pada 24 Oktober 2026.

Semasa tangkapan dibuat, polis turut merampas beberapa dokumen peribadi milik mangsa daripada Mohammad Shafiq, malah turut merampas pakaian, sepapan kunci dan sebuah motosikal yang digunakannya ketika kejadian ragut tersebut.

Siasatan lanjut mendapati kejadian ragut itu dirakam menerusi kamera litar tertutup (CCTV) di lokasi kejadian.

Mangsa turut mengecam barangan miliknya yang dirampas daripada Mohammad Shafiq.

Semakan juga mendapati Mohammad Shafiq mempunyai empat rekod jenayah dadah dan tujuh rekod jenayah lain.

Kes disiasat oleh Inspektor Muhammad Amirul Azami Ahmad Rasol.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Chuah Kai Sheng di hadapan Hakim Shafiza Datu Abdul Razak Tready, manakala Mohammad Shafiq tidak diwakili peguam.